



<p><b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menggunakan produk Pungutan Bil Export-i. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.</p>	<p><b>BANK RAKYAT</b></p> <p><b>PUNGUTAN BIL EXPORT-i (OBC-i)</b></p> <p>Tarikh:</p>																
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <p>Pungutan Bil Export-i (OBC-i) adalah di mana Bank akan bertindak sebagai ejen / wakil dan akan bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan penghantaran dokumen kewangan dan komersil yang dikemukakan oleh prinsipal (atau penjual / pengeksport) untuk kutipan bayaran daripada penerima (pembeli / pengimport) melalui bank pemungut di bawah terma dan syarat yang dipersetujui antara pembeli dan penjual.</p>																	
<p><b>2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?</b></p> <p>Pungutan Bill Export (OBC-i) adalah di bawah prinsip Shariah Wakalah bil Ujrah di mana satu pihak yang dilantik untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak lain dengan bayaran manfa'ah iaitu pembayaran untuk sesuatu perkhidmatan. Bank dilantik oleh pelanggan (syarikat atau individu) sebagai agen untuk menjalankan tugas-tugas tertentu di bawah kemudahan bagi pihak mereka.</p>																	
<p><b>3. Apakah yang saya dapat daripada produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dokumen-dokumen dikendalikan menurut amalan standard antarabangsa.</li> <li>• Cara yang mudah untuk mendapatkan bayaran serta meningkatkan hubungan perniagaan dengan pembeli.</li> </ul>																	
<p><b>4. Apakah tanggungjawab saya?</b></p> <p>Pelanggan perlu lah memastikan bahawa setiap dokumen yang dikemukakan adalah tulen dan dalam set yang lengkap selaras dengan kontrak yang telah dipersetujui dengan pembeli / pengimport. Pelanggan perlu memastikan bahawa syarat-syarat pembayaran adalah seperti kontrak dipersetujui.</p>																	
<p><b>5. Apakah jenis-jenis fi dan caj yang perlu saya bayar?</b></p> <p>Semua kos dan caj yang berkaitan dengan kemudahan ini adalah ditanggung oleh pelanggan.</p> <table border="1" data-bbox="240 1375 1458 1663"> <thead> <tr> <th>Jenis-jenis fi/caj</th> <th>Kadar/Kos</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Komisen</td> <td>0.1% rata ke atas jumlah invois (Min RM50, Max Tempatan: RM500 Asing: RM100)</td> </tr> <tr> <td>Pindaan</td> <td>RM50</td> </tr> <tr> <td>Semakan Dokumen (terhadap Surat Kredit)</td> <td>RM50</td> </tr> <tr> <td>Dokumen yang dikembalikan</td> <td>RM120</td> </tr> <tr> <td>Tidak berbayar/Tidak diterima</td> <td>RM120</td> </tr> <tr> <td>SWIFT</td> <td>RM25</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan am (penghantaran)</td> <td>Kos sebenar</td> </tr> </tbody> </table>		Jenis-jenis fi/caj	Kadar/Kos	Komisen	0.1% rata ke atas jumlah invois (Min RM50, Max Tempatan: RM500 Asing: RM100)	Pindaan	RM50	Semakan Dokumen (terhadap Surat Kredit)	RM50	Dokumen yang dikembalikan	RM120	Tidak berbayar/Tidak diterima	RM120	SWIFT	RM25	Perbelanjaan am (penghantaran)	Kos sebenar
Jenis-jenis fi/caj	Kadar/Kos																
Komisen	0.1% rata ke atas jumlah invois (Min RM50, Max Tempatan: RM500 Asing: RM100)																
Pindaan	RM50																
Semakan Dokumen (terhadap Surat Kredit)	RM50																
Dokumen yang dikembalikan	RM120																
Tidak berbayar/Tidak diterima	RM120																
SWIFT	RM25																
Perbelanjaan am (penghantaran)	Kos sebenar																
<p><b>6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?</b></p> <p>Pembeli / pengimport mungkin tidak mahu menerima dokumen-dokumen. Pembeli / pengimport mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang dan semua kos berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan kerana melanggar kontrak komersial.</p>																	



<p><b>7. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?</b></p> <p>Polisi Kargo Marin mengikut persetujuan di antara pembeli dan penjual (jika berkenaan).</p>		
<p><b>8. Apakah risiko-risiko utama?</b></p> <p>Risiko tidak membayar dan / atau tidak diterima oleh pengimport atau pembayar. Bank tidak memberikan apa-apa jaminan untuk pembayaran.</p>		
<p><b>9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</b></p> <p>Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk atau layari <a href="http://www.bankrakyat.com.my">www.bankrakyat.com.my</a></p>	<p><b>10. Apa-apa cadangan dan pertanyaan anda boleh diajukan kepada:</b></p> <p>Jabatan Pembiayaan Perdagangan Level 28 Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Travers 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-26129600 (talian umum) E-mel: <a href="mailto:trade@bankrakyat.com.my">trade@bankrakyat.com.my</a></p> <p>atau</p> <p>Bahagian Perbankan Perniagaan Level 26 Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Travers 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-26129600 (talian umum)</p>	<p><b>11. Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk-produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi:</b></p> <p>Biro Pengaduan Awam Khidmat Pelanggan, Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Travers 50470 Kuala Lumpur Tel: 1-300-80-5454 Website: <a href="http://www.bankrakyat.com.my/enquiries-feedback">www.bankrakyat.com.my/enquiries-feedback</a></p> <p>atau</p> <p>Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato 'Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Faks: 03-21741515 E-mel: <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a></p>
<p><b>12. Lain-lain produk Pembiayaan Perdagangan yang ditawarkan?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Kredit-i</li> <li>• Surat Kredit Export-i</li> <li>• Surat Kredit Export Pengesahan-i</li> <li>• Pungutan Bil Import-i</li> <li>• Pembiayaan Bil Export-i</li> <li>• Pembiayaan Bil Kredit Export-i</li> <li>• Pembiayaan Perdagangan Tawarruq</li> <li>• Pembiayaan Modal Kerja Murabahah</li> <li>• Jaminan Perkapalan-i</li> <li>• Jaminan Bank-i</li> </ul>		



**NOTA PENTING:**

TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TETAP.  
HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MESTI DI BACA, DI FAHAM, DI TERIMA DAN PERLU DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.  
PRODUK TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SHARIAH BANK RAKYAT PADA 25<sup>th</sup> JUN 2015.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 9<sup>th</sup> Januari 2019.